

DOKUMEN STRATEGIK INTEGRITI INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR

**Bersama Memperkukuh Integriti
Perkhidmatan Air Negara**



“ ... Usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara hebat bermula dengan pengukuhan tadbir urus (governans), integriti dan penolakan terhadap rasuah”

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

Perdana Menteri Malaysia

Sumber : Ucapan semasa Majlis Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA 2025) Peringkat Kebangsaan pada 22 Oktober 2025 di Putrajaya.

Hak Cipta Terpelihara Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga, sama ada cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Bahagian Integriti dan Pengurusan Risiko Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara terlebih dahulu.

Diterbitkan Oleh:
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA
Ground Floor and First Floor,
Prima Avenue 7,
Block 3510, Jalan Teknokrat 6,
63000 Cyberjaya, Selangor

Cetakan pertama 2025

PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Dokumen Strategik Integriti Industri Perkhidmatan Air (DSIIPA) 2026–2030 telah dapat dibangunkan. Dokumen ini lahir daripada kesedaran bahawa integriti bukan pilihan, tetapi prasyarat kepada kelestarian industri.

Dokumen ini bukan sekadar sebuah panduan, tetapi adalah landasan strategik utama yang akan memacu seluruh ekosistem industri perkhidmatan air negara ke arah tadbir urus yang cemerlang. DSIIPA 2026–2030 merupakan langkah SPAN ke arah menetapkan standard tertinggi tatakelola dan integriti di peringkat industri serta hendaklah didokong oleh semua pemegang lesen. Ini kerana tadbir urus yang baik membina sistem yang dipercayai.

Sebagai badan kawal selia yang bertanggungjawab terhadap aspek teknikal, ekonomi dan sosial sektor air negara, SPAN tidak terkecuali untuk memainkan peranan penting sebagai peneraju dan pemangkin kepada pembudayaan integriti dalam industri perkhidmatan air. Peranan ini bukan sekadar memastikan pematuhan terhadap piawaian dan peraturan, tetapi turut merangkumi usaha memperkukuh nilai etika, ketelusan dan akauntabiliti sebagai asas pengurusan industri air yang mapan. Regulator menetapkan kerangka, industri menayakan pelaksanaan.

Pelaksanaan DSIIPA secara efektif merupakan sumbangan kita semua ke arah membina ekosistem perkhidmatan air yang lebih telus, adil dan berintegriti. Inisiatif di peringkat industri perkhidmatan air negara secara langsung akan menyokong aspirasi nasional untuk menempatkan Malaysia dalam kelompok 25 negara terbaik dunia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI), sekaligus mengukuhkan keyakinan awam dan melakar reputasi positif terhadap pengurusan sektor air negara. Setiap titis air mencerminkan integriti sistem yang menguruskannya.

Saya percaya dengan komitmen teguh seluruh pihak, industri ini bukan sahaja dapat mencapai kecemerlangan operasi, bahkan menjadi model integriti dan tadbir urus yang membanggakan negara. Hanya dengan keazaman serta integriti yang utuh, kita dapat menjamin kelestarian dan kepercayaan awam terhadap industri perkhidmatan air Malaysia. Amanah ialah sebab, integriti ialah cara, dan akauntabiliti ialah bukti.

Datuk Ir. Abdul Kadir Bin Mohd Din, FASC

Pengerusi

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara



PERUTUSAN KETUA PENGAWAI EKSEKUTIF

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya bersyukur ke hadirat Ilahi dan mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan Dokumen Strategik Integriti Industri Perkhidmatan Air (DSIIPA).

Sebagai sebuah badan kawal selia SPAN sentiasa cakna dan komited terhadap agenda pemerkasaan tadbir urus serta integriti yang ditekankan oleh Kerajaan.

Selari dengan tanggungjawab tersebut, DSIIPA diperkenalkan sebagai satu pendekatan yang lebih kukuh, tersusun dan strategik dalam mempertingkatkan amalan tadbir urus dan integriti dalam industri perkhidmatan air negara. Pendekatan ini bukan sekadar memenuhi keperluan pematuhan, tetapi melangkaui aspek peraturan dengan memberi penekanan kepada pembudayaan dan pengurusan integriti secara berterusan. DSIIPA ini turut menggariskan rangkaian inisiatif yang dirangka untuk memantapkan struktur tadbir urus serta meningkatkan kebertanggungjawaban dalam industri.

Namun demikian, kejayaan pelaksanaan setiap inisiatif ini tidak bergantung kepada dokumen semata-mata, tetapi kepada usaha kolektif, komitmen dan sokongan padu daripada semua pihak dalam industri. Dengan tindakan yang konsisten dan berterusan ke arah memastikan pengamalan integriti dan nilai murni, saya yakin kita dapat memperkukuh tadbir urus industri air secara menyeluruh dan berkesan sebagai satu pasukan.

Akhir kata, marilah kita teguh menjadikan integriti sebagai nadi industri perkhidmatan air negara. Dengan kejujuran, keadilan dan amanah kita bukan sahaja memastikan penyampaian air yang bersih dan selamat kepada rakyat, tetapi juga membina industri yang beretika, cekap dan mapan.

Sekian, terima kasih

Dato' Haji Ahmad Faizal Bin Abdul Rahman

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara



KANDUNGAN

1. PENGENALAN

- | | |
|------------------------|---|
| 1. Umum | 8 |
| 2. Latar Belakang SPAN | 9 |

2. DOKUMEN STRATEGIK INTEGRITI INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (DSIIPA)

- | | |
|--------------------------------|----|
| 1. Pengenalan | 13 |
| 2. Objektif Pembangunan DSIIPA | 14 |
| 3. Cabaran | 15 |
| 4. Kerangka Utama DSIIPA | 21 |
| 5. Analisa Kuadran DSIIPA | 22 |
| 6. Pelan Pelaksanaan | 23 |
| 7. Bidang Keutamaan | 24 |

3. TADBIR URUS DSIIPA

- | | |
|---|----|
| 1. Struktur Tadbir Urus DSIIPA | 34 |
| 2. Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian | 35 |

4. KESIMPULAN

36

5. PENGHARGAAN

37

BAB 1 PENGENALAN

1. Umum
2. Latar Belakang SPAN

1. PENGENALAN

1.1 Umum

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai sebuah badan kawal selia industri perkhidmatan air amat komited dalam usaha menangani rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan bagi memastikan kawal selia yang adil, berkesan dan telus.

Pembangunan Dokumen Strategik Integriti Industri Perkhidmatan Air (DSIIPA) merupakan salah satu inisiatif berterusan SPAN. DSIIPA memfokuskan kepada pengukuhan tatakelola dan anti rasuah, justeru memastikan industri perkhidmatan air di Malaysia beroperasi dengan integriti tinggi serta terhindar daripada amalan rasuah, salah guna kuasa, dan penyelewengan



1.2 Latar Belakang SPAN

SPAN adalah sebuah badan kawal selia teknikal dan ekonomi yang berperanan untuk menyelia dan mengawal selia perhidmatan air dan pembedungan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan).

SPAN mengawal selia kesemua entiti dalam industri air dan pembedungan termasuk operator perkhidmatan bekalan air dan pembedungan awam, operator perkhidmatan bekalan air dan pembedungan persendirian, kontraktor bekalan air dan pembedungan, pemegang permit dan kelulusan produk bagi bekalan air dan pembedungan.

SPAN mengawal selia industri perkhidmatan air berdasarkan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.



Visi dan Misi SPAN



VISI

Ke arah perkhidmatan air yang mampan, berdaya harap dan termampu untuk semua.



MISI

Untuk mengawal selia industri perkhidmatan air melalui pelaksanaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dengan adil, berkesan dan telus.



Fungsi Suruhanjaya

Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) memperuntukkan fungsi Suruhanjaya seperti yang berikut:



Menasihati Menteri tentang segala perkara berhubung dengan objektif dasar kebangsaan bagi undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembedan dan melaksanakan dan memajukan objektif dasar kebangsaan itu;



Melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembedan dan menimbang dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembedan;



Memastikan daya pengeluaran industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedan dan memantau pengendali mematuhi standard perkhidmatan yang ditetapkan, obligasi berkontrak dan undang-undang dan garis panduan yang berkaitan;



Menambah usaha persepadu ke arah peningkatan kecekapan pengendalian industri itu dan secara khususnya pengurangan air tidak terhasil melalui program jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang;



Menasihati Menteri tentang mekanisme yang adil dan cekap bagi menentukan tarif yang adil kepada kedua-dua pengguna dan pemegang lesen dan melaksanakan tarif yang telah ditetapkan melalui mekanisme dan alat yang sesuai;



Memastikan matlamat pembangunan negara berkenaan dengan liputan, pembekalan dan akses kepada perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedan tercapai;



Memastikan pengendalian kualiti air dan perkhidmatan pembedan secara jangka panjang melalui pembangunan modal kerja yang berterusan;



Merumuskan dan melaksanakan rancangan supaya semua permintaan yang munasabah bagi perkhidmatan pembedan dipenuhi dan melalui perundingan dengan pihak berkuasa yang berkaitan, menyediakan suatu rancangan kawasan tadahan pembedan yang merumuskan dasar dan cadangan am berkenaan dengan pembangunan apa-apa sistem pembedan yang baru dan langkah-langkah bagi memperbaiki mana-mana sistem pembedan yang sedia ada;



Menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain; dan



Menasihati Menteri secara amnya mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedan.

BAB 2

DOKUMEN STRATEGIK

INTEGRITI INDUSTRI

PERKHIDMATAN AIR

1. **Pengenalan**
2. **Objektif pembangunan DSIIPA**
3. **Cabaran**
4. **Kerangka Utama DSIIPA**
5. **Analisa Kuadran**
6. **Pelan Pelaksanaan**
7. **Bidang Keutamaan**




2. DOKUMEN STRATEGIK INTEGRITI INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR

2.1 Pengenalan

DSIIPA diwujudkan untuk menetapkan hala tuju strategik dalam usaha memperkukuh tatakelola dan memastikan budaya integriti tinggi. Ini dicapai melalui pengamalan prinsip ketelusan, akauntabiliti, dan integriti sebagai teras dalam amalan, sistem, dan tatacara terbaik industri perkhidmatan air.

Empat (4) bidang keutamaan telah dikenalpasti iaitu **tadbir urus dan pematuhan, modal insan dan kompetensi, kewangan dan perolehan dan pengurusan dan pentadbiran**. Setiap bidang keutamaan dalam DSIIPA dirangka secara sistematik, merangkumi penetapan strategi, objektif strategik, dan inisiatif pelaksanaan yang bersesuaian. Kaedah ini memberikan kejelasan hala tuju dan langkah tindakan yang tepat untuk setiap bidang keutamaan, sekaligus memastikan pencapaian objektif strategik dapat disempurnakan dengan berkesan.



2.2 Objektif Pembangunan DSIIPA



Tadbir Urus dan Pengawalseliaan

Memperkukuh sistem tadbir urus dan pengawalseliaan industri perkhidmatan air.



Kecekapan dan Kebertanggungjawaban

Memperkasa kecekapan dan kebertanggungjawaban badan pengawal dan pengurusan atasan.



Ketelusan

Meningkatkan ketelusan dalam pengurusan perolehan dan kewangan.



Pencegahan

Menginstitusikan mekanisme pencegahan untuk mengelakkan isu.




Pematuhan dan Risiko

Mengelakkan liabiliti undang-undang dan risiko reputasi melalui pematuhan.

2.3 Cabaran

Industri air terus berdepan dengan cabaran berulang berkaitan integriti dan tadbir urus. Walaupun dengan kewujudan unit integriti, dasar dan kawalan dalaman namun masih terdapat jurang perbezaan antaranya tahap keberkesanan serta keseragaman pelaksanaan. Oleh itu, satu inisiatif perlu dirangka untuk menyeragam, memperkukuh dan menyelaraskan amalan integriti di peringkat industri melalui:-

- struktur tadbir urus yang jelas,
- platform pengawasan yang bersepadu,
- sistem pemantauan yang telus,
- pembangunan keupayaan,
- penerapan amalan baik yang dipacu oleh pemberian insentif.




**BENGGEL
PEMBANGUNAN
DSIIPA SIRI 1 DAN
SESI DIALOG
BERSAMA IIM, C4
DAN MyCC
16 – 18 DESEMBER
2024**



**BENKEL
PEMBANGUNAN
DSIIPA SIRI 2
BERSAMA SPRM
24 -27 FEBRUARI
2025**





**PERBINCANGAN
SECARA ATAS
TALIAN
7 OGOS 2025**

**SESI PEMURNIAN
10 – 12
SEPTEMBER 2025**





**PERBINCANGAN
KOLABORASI
BERSAMA INSTITUT
INTEGRITI
MALAYSIA
OKTOBER 2025**



2.4 Kerangka Utama DSIIPA



VISI


Memperkuh tatakelola dan pengawalseliaan untuk memastikan industri perkhidmatan air yang telus, berintegriti, dan bebas rasuah.



MISI

Memperkasa tatakelola dan meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam merealisasikan industri perkhidmatan air yang berintegriti, dan bertanggungjawab.

OBJEKTIF



BIDANG KEUTAMAAN

TADBIR URUS DAN PEMATUHAN

MODAL INSAN DAN KOMPETENSI

KEWANGAN DAN PEROLEHAN

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN



STRATEGI

Memantapkan tadbir urus dan pematuhan berasaskan integriti bagi memastikan akauntabiliti, ketelusan serta pelaksanaan sistem pengurusan integriti yang berkesan

Memperkasakan kepimpinan dan modal insan yang beretika dan berkompetensi

Mengukuhkan tadbir urus kewangan dan perolehan yang berintegriti, telus dan berakauntabiliti

Mengukuhkan budaya integriti melalui pengiktirafan prestasi dan kolaborasi strategik

2.5 Analisa Kuadran DSIIPA

Analisa kuadran telah dibuat ke atas inisiatif yang telah dirancang bagi mengenalpasti tahap kompleksiti, kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaannya dan juga tahap impak yang merujuk kepada kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif.

Definisi Kuadran

| KUADRAN A | KUADRAN B | KUADRAN C | KUADRAN D |
|---|---|--|---|
|  |  |  |  |
| Mewakili inisiatif Berimpak Tinggi, Kompleksiti Rendah | Mewakili inisiatif Berimpak Tinggi, Kompleksiti Tinggi | Mewakili inisiatif Berimpak Rendah, Kompleksiti Rendah | Mewakili inisiatif Berimpak Rendah, Kompleksiti Tinggi |

| Bil. | Bidang Keutamaan | Strategi Utama | Objektif Strategi | Inisiatif |
|---------------|----------------------------|---|-------------------|-----------|
| 1. | Tadbir Urus Dan Pematuhan | Memantapkan tadbir urus dan pematuhan berasaskan integriti bagi memastikan akauntabiliti, ketelusan serta pelaksanaan sistem pengurusan integriti yang berkesan | 3 | 9 |
| 2. | Modal Insan dan Kompetensi | Memperkasakan Kepimpinan Dan Modal Insan Yang Beretika Dan Berkompetensi | 2 | 3 |
| 3. | Kewangan dan Perolehan | Mengukuhkan Tadbir Urus Kewangan Dan Perolehan | 2 | 6 |
| 4. | Pengurusan dan Pentadbiran | Mengukuhkan Budaya Integriti Melalui Pengiktirafan Prestasi Dan Kolaborasi Strategik | 1 | 2 |
| Jumlah | | | 8 | 20 |

| Bidang Keutamaan / Strategi | Kuadran | Kuadran | Kuadran | Kuadran |
|-----------------------------|-----------|---------|---------|---------|
| | A | B | C | D |
| Tadbir Urus dan Pematuhan | 5 | 3 | 1 | - |
| Modal Insan dan Kompetensi | 3 | - | - | - |
| Kewangan dan Perolehan | 2 | 4 | - | - |
| Pengurusan dan Pentadbiran | 1 | 1 | | |
| Jumlah | 11 | 8 | 1 | - |
| Jumlah Keseluruhan | 20 | | | |

2.6 Pelan Pelaksanaan

Jangka Masa Pelaksanaan

Jangka masa pelaksanaan dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu pelan jangka pendek yang memfokuskan kepada inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan di dalam tempoh satu (1) hingga dua (2) tahun dan juga pelan jangka panjang memfokuskan kepada inisiatif yang dirancang untuk dilaksanakan di dalam tempoh tiga (3) hingga ke lima (5) tahun termasuk inisiatif yang dirancang akan dilaksanakan secara berterusan.

| Bil. | Bidang Keutamaan | Jangka Masa Pendek (1-2 Tahun) | Jangka Masa Panjang (3-5 Tahun) | Inisiatif |
|---------------|----------------------------|--------------------------------|---------------------------------|-----------|
| 1. | Tadbir Urus dan Pematuhan | 4 | 5 | 9 |
| 2. | Modal Insan dan Kompetensi | 3 | - | 3 |
| 3. | Kewangan dan Perolehan | 5 | 1 | 6 |
| 4. | Pengurusan dan Pentadbiran | - | 2 | 2 |
| Jumlah | | 12 | 8 | 20 |

2.7 Bidang Keutamaan

Bidang Keutamaan 1: Tadbir Urus Dan Pematuhan

| BIDANG KEUTAMAAN 1 | | Tadbir Urus Dan Pematuhan | |
|------------------------|---|---|-----------------|
| STRATEGI 1 | | Memantapkan tadbir urus dan pematuhan berasaskan integriti bagi memastikan akauntabiliti, ketelusan serta pelaksanaan sistem pengurusan integriti yang berkesan | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.1 | | Memperkukuh Rangka Kerja Tadbir Urus Dan Pematuhan Bagi Memastikan Akauntabiliti Dan Ketelusan | |
| BIL. | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | SASARAN (TAHUN) |
| 1. | Merangka Terma Rujukan bagi penubuhan Unit Integriti / Unit Integriti & Governans (UI / UIG) berpandukan Tatacara Pelaksanaan Fungsi Teras SPRM bagi memastikan pematuhan dan keberkesanan pelaksanaannya | SPAN | 1 |
| 2. | Membangunkan Kod Etika Integriti Industri yang seragam sebagai standard rujukan dalam memperkukuh budaya integriti dan tadbir urus industri perkhidmatan air. | SPAN | 1 |
| 3. | Menubuhkan Jawatankuasa Tatakelola Induk di peringkat SPAN untuk memperkasakan kawal selia dan koordinasi inisiatif integriti dalam industri perkhidmatan air | SPAN | 1 |
| 4. | Membangunkan platform pemantauan digital yang komprehensif untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam pengawasan serta pelaporan isu integriti. | SPAN | 5 |

Bidang Keutamaan 1: Tadbir Urus Dan Pematuhan

| BIDANG KEUTAMAAN 1 | Tadbir Urus Dan Pematuhan | | |
|-------------------------------|--|-----------------------------|------------------------|
| STRATEGI 1 | Memantapkan tadbir urus dan pematuhan berasaskan integriti bagi memastikan akauntabiliti, ketelusan serta pelaksanaan sistem pengurusan integriti yang berkesan. | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.2 | Meningkatkan Pematuhan terhadap Sistem Pengurusan Integriti melalui Pensijilan dan Penguatkuasaan | | |
| BIL. | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | SASARAN (TAHUN) |
| 1. | Menggalakkan pensijilan Anti-Bribery Management Systems (ABMS) bagi semua pemegang lesen sebagai langkah meningkatkan tahap integriti dan pematuhan dalam industri perkhidmatan air. | SPAN | 3 |
| 2. | Memperkenalkan skim insentif kepada pemegang lesen ke atas usaha dan komitmen dalam memperkukuhkan tadbir urus terbaik. | SPAN | 3 |
| 3. | Menggalakkan penyertaan pemegang permit C dalam Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) bagi memperkukuh tadbir urus yang baik dan berintegriti serta mengurangkan jenayah perniagaan | SPAN | 3 |
| 4. | Melaksanakan pemeriksaan pematuhan berkala ke atas keberkesanan perlaksanaan inisiatif integriti ke atas pemegang-pemegang lesen melalui audit bersama yang akan dilaksanakan oleh SPAN dengan pihak ketiga yang dilantik. | SPAN | 3 |

Bidang Keutamaan 1: Tadbir Urus Dan Pematuhan

| BIDANG KEUTAMAAN 1 | Tadbir Urus Dan Pematuhan | | |
|-------------------------------|---|-----------------------------|------------------------|
| STRATEGI 1 | Memantapkan tadbir urus dan pematuhan berasaskan integriti bagi memastikan akauntabiliti, ketelusan serta pelaksanaan sistem pengurusan integriti yang berkesan | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.3 | Memperkukuh Mekanisme Pemantauan dan Penilaian Tadbir Urus bagi Meningkatkan Kepatuhan kepada Keperluan Kawal Selia | | |
| BIL. | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | SASARAN (TAHUN) |
| 1. | Menjalankan kajian persepsi ke atas pemegang lesen bagi tujuan penetapan penanda aras industri | SPAN | 1 |



Bidang Keutamaan 2: Modal Insan dan Kompetensi

| BIDANG KEUTAMAAN 2 | | MODAL INSAN DAN KOMPETENSI | |
|-------------------------------|--|---|------------------------|
| STRATEGI 2 | | Memperkasakan Kepimpinan Dan Modal Insan Yang Beretika Dan Berkompetensi | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 2.1 | | Memperkukuh Peranan Dan Akauntabiliti Badan Pengawal (<i>Governing Body</i>) Dan Pengurusan Atasan Serta Memantapkan Kepimpinan | |
| BIL. | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | SASARAN (TAHUN) |
| 1. | Menggalakkan penyertaan dan kehadiran badan pengawal (<i>governing body</i>) dan pengurusan tertinggi (<i>top management</i>) ke latihan / bengkel / program integriti untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman, dan keupayaan dalam mengurus isu berkaitan integriti serta tadbir urus | SPAN & Pemegang Lesen | 1 |
| 2. | Menyediakan peruntukan belanjawan khusus bagi latihan integriti dan tadbir urus, bagi memastikan program latihan yang disediakan relevan, berkesan, dan bersesuaian dengan keperluan kakitangan, kontraktor dan pemegang permit. | Pemegang Lesen | 1 |

Bidang Keutamaan 2: Modal Insan dan Kompetensi

| BIDANG KEUTAMAAN 2 | MODAL INSAN DAN KOMPETENSI | | |
|-------------------------------|--|-----------------------------|------------------------|
| STRATEGI 2 | Memperkasakan Kepimpinan Dan Modal Insan Yang Beretika Dan Berkompetensi | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 2.2 | Memantapkan Kesedaran dan Pengukenan Budaya Integriti dalam Industri Perkhidmatan Air | | |
| BIL. | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | SASARAN (TAHUN) |
| 1. | Melaksanakan program pengukenan dan kesedaran integriti yang bersasar serta bersepadu di peringkat industri, bagi memperkukuh kefahaman dan komitmen terhadap budaya integriti dalam kalangan pemegang lesen dan pihak berkepentingan. | SPAN & Pemegang Lesen | 1 |



Bidang Keutamaan 3: Kewangan dan Perolehan

| BIDANG KEUTAMAAN 3 | KEWANGAN DAN PEROLEHAN | | |
|-------------------------------|---|-----------------------------|------------------------|
| STRATEGI 3 | Mengukuhkan tadbir urus kewangan dan perolehan yang berintegriti, telus Dan berakauntabiliti | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 3.1 | Menyelaras dan Memperkukuh Tadbir Urus Kewangan serta Perolehan yang Telus dan Beretika | | |
| BIL. | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | SASARAN (TAHUN) |
| 1. | Mewujudkan Garis Panduan seragam bagi pengurusan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang berpandukan kepada Pekeliling Kewangan Kerajaan, bagi memastikan ketelusan, akauntabiliti, dan keberkesanan pelaksanaan CSR oleh pemegang lesen | SPAN & Pemegang Lesen | 2 |
| 2. | Menggalakkan penggunaan sistem e-perolehan bagi mengurangkan campur tangan manusia dalam proses perolehan, sekali gus meningkatkan ketelusan dan mengurangkan risiko ketirisan serta salah guna kuasa. | SPAN & Pemegang Lesen | 5 |
| 3. | Memastikan setiap pemegang lesen mempunyai manual perolehan yang lengkap dan komprehensif, yang merangkumi dasar, prosedur, dan kawalan dalaman bagi memastikan pematuhan terhadap prinsip tadbir urus yang baik. | SPAN & Pemegang Lesen | 2 |
| 4. | Meningkatkan pengauditan berkala terhadap proses perolehan, bagi memastikan ketelusan, keberkesanan, dan kepatuhan terhadap garis panduan serta peraturan yang ditetapkan | SPAN & Pemegang Lesen | 2 |

Bidang Keutamaan 3: Kewangan dan Perolehan

| BIDANG KEUTAMAAN 3 | KEWANGAN DAN PEROLEHAN | | |
|-------------------------------|--|-----------------------------|------------------------|
| STRATEGI 3 | Mengukuhkan tadbir urus kewangan dan perolehan yang berintegriti, telus Dan berakauntabiliti | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 3.2 | Memantapkan Mekanisme Penilaian Prestasi Dan Pemantauan Perolehan Bagi Memastikan Ketelusan, Akauntabiliti Dan Pencegahan Salah Laku. | | |
| BIL. | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | SASARAN (TAHUN) |
| 1. | Menggalakkan penilaian prestasi tahunan terhadap semua pembekal dan kontraktor, bagi memastikan standard kualiti, pematuhan, dan kecekapan perkhidmatan sentiasa dipatuhi. | SPAN & Pemegang Lesen | 2 |
| 2. | Penilaian komprehensif oleh semua pembekal terhadap proses perolehan yang dilaksanakan oleh pemegang lesen berdasarkan kepada satu standard yang dibangunkan oleh SPAN bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan penilaian tersebut | SPAN & Pemegang Lesen | 2 |

Bidang Keutamaan 4: Pengurusan dan Pentadbiran

| BIDANG KEUTAMAAN 4 | PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN | | |
|-------------------------------|---|----------------------|-------------------------|
| STRATEGI 4 | Mengukuhkan Budaya Integriti Melalui Pengiktirafan Prestasi Dan Kolaborasi Strategik | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 4.1 | Mewujudkan Sistem Pengiktirafan Bagi Memperkasakan Amalan Integriti Dalam Industri Perkhidmatan Air Serta Kolaborasi Strategik Dengan Pihak Berkepentingan | | |
| BIL. | INISIATIF / TINDAKAN | PENERAJU / PELAKSANA | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
| 1. | Mewujudkan pengiktirafan prestasi sebagai insentif kepada pemegang lesen yang menunjukkan komitmen tinggi terhadap amalan integriti dan tadbir urus yang baik. | SPAN | 3 |
| 2. | Memantapkan jalinan kolaborasi strategik bersama IIM / SPRM / NGO bagi memperkukuh amalan integriti melalui perkongsian kepakaran, latihan, serta pembangunan inisiatif integriti yang lebih efektif dan berimpak tinggi. | SPAN | 3 |



Bagi memastikan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang telah digariskan dalam Dokumen Strategik Integriti Industri Perkhidmatan Air adalah efektif dan berkesan, Jawatankuasa Tatakelola dan Pengurusan Risiko (JTPR) akan memantau setiap inisiatif yang dirancangkan.



BAB 3

TADBIR URUS DSIIPA

1. **Struktur Tadbir Urus DSIIPA**
2. **Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian**



3. TADBIR URUS DSIIIPA

Mekanisme Pelaksanaan

Bagi memastikan pelaksanaan inisiatif dalam Dokumen Strategik Industri Perkhidmatan Air 2026 -2030 efektif dan berkesan, Jawatankuasa - jawatankuasa berkaitan akan memantau setiap inisiatif yang dirancang. Penglibatan dan komitmen pihak yang terlibat seperti Pengurusan Tertinggi dan pemegang taruh adalah penting dalam memastikan inisiatif yang digaris mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan.

3.1 Struktur Tadbir Urus DSIIIPA

JAWATANKUASA AUDIT

Bahagian Integriti dan Pengurusan Risiko akan melaporkan status semasa inisiatif yang dilaksanakan.

JAWATANKUASA TATAKELOLA DAN PENGURUSAN RISIKO (JTPR)

(dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif)

Bahagian Integriti dan Pengurusan Risiko sebagai Sekretariat bagi menilai prestasi semasa inisiatif yang dilaksanakan melalui laporan pemantauan secara berkala.

- Memantau prestasi pelaksanaan inisiatif
- Mendapatkan penjelasan daripada pihak pelaksana
- Menyediakan laporan penuh pencapaian DSIIIPA secara berkala

BAHAGIAN INTEGRITI DAN PENGURUSAN RISIKO /

JAWATANKUASA INDUK INTEGRITI PERINGKAT IPA

3.2. Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian

Penyelarasan

DSIIPA akan dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama di antara BIPR SPAN dengan Bahagian / Unit Integriti pemegang-pemegang lesen utama.

Pemantauan

Semua inisiatif yang dirancang akan dipantau oleh BIPR, SPAN . Aktiviti yang terlibat dalam pemantauan antaranya :-



Menjelaskan **objektif program**



Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif



Menterjemahkan objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran



Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap)



Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh (agensi peneraju) berkaitan dan memaklumkan tentang sebarang permasalahan

Penilaian

Bagi mengenal pasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif, semua aktiviti akan sentiasa dipantau dan dinilai berdasarkan mekanisme berikut:-



Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti



Menilai sama ada aktiviti yang tersebut berorientasikan **matlamat yang dicapai**



Memastikan bahawa **aktiviti dilaksanakan** sebagaimana yang dirancang



Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan

4. KESIMPULAN

Dokumen Strategik Integriti Industri Perkhidmatan Air 2026 – 2030 merupakan sebahagian dari inisiatif SPAN untuk meningkatkan integriti serta membendung amalan rasuah di industri perkhidmatan air. Ianya juga selaras dengan usaha kerajaan melalui Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional 2024 – 2028.

Pelaksanaan semua inisiatif yang telah digariskan di dalam dokumen strategik ini akan dipantau dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit SPAN bagi memastikan setiap inisiatif mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Semua pihak, terutamanya pemegang lesen adalah perlu untuk memainkan peranan masing-masing dalam memastikan kejayaan pelaksanaan semua inisiatif yang telah dirancang.



5. PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih kepada ketua / pegawai integriti pemegang-pemegang lesen yang telah membantu memberikan input, analisis, kerjasama dan sokongan dalam membangunkan DSIIIPA.



A. ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT (JKA)

1. **Tuan Ir Syed Mohamed Adnan bin Mansor Alhabshi**
Anggota Suruhanjaya – Pengerusi Jawatankuasa
2. **Dato' Zamri bin Haji Yusuf**
Anggota Suruhanjaya
3. **Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair**
Anggota Suruhanjaya
4. **Puan Nor Fadhilah binti Ibrahim**
Anggota Suruhanjaya

B. AHLI JAWATANKUASA TATAKELOLA DAN PENGURUSAN RISIKO (JTPR)

- 1. Dato' Haji Ahmad Faizal Bin Abdul Rahman**
Ketua Pegawai Eksekutif

- 2. Tuan Ir. Haji Muhamad Sobri bin Zakaria**
Pengarah Eksekutif, Bahagian Teknikal
* sehingga 25 November 2025

- 3. Tuan Ir. Haji Mohd Jalaludin bin Sulaiman**
Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi

- 4. Puan Izan Aziati binti Samsuri**
Pengarah Eksekutif, Bahagian Ekonomi

- 5. Puan Sujatha Nair**
Pengarah Kanan II, Bahagian Khidmat Perundangan

- 6. Puan Hajah Zarina binti Sulieman**
Pengarah Kanan II, Bahagian Khidmat Pengurusan

- 7. Tuan Haji Norhisham Bin Sahlan**
Pengarah Kanan I, Bahagian Khidmat Sokongan

- 8. Tuan Ts. Haji Mohamad Nasir bin Mahmood**
Pengarah Kanan I, Seksyen Pembangunan & Audit Industri
Bahagian Teknikal

- 9. Tuan Haji Bukhari bin Abdul Rahman**
Pengarah Kanan I, Seksyen Kewangan & Perolehan
Bahagian Khidmat Pengurusan

B. AHLI JAWATANKUASA TATAKELOLA DAN PENGURUSAN RISIKO (JTPR)

10. **Encik Kirupakaran a/l Visuvalingam**
Pengarah Kanan I, Seksyen Penguatkuasaan
Bahagian Operasi
11. **Tuan Haji Masdi bin Abdul Karim**
Pengarah Kanan I, Bahagian Perancangan Strategik dan Transformasi
12. **Tuan Dr. Haji Abrari bin Salleh**
Pengarah , Bahagian Audit Dalam

C. KETUA / PEGAWAI JABATAN / BAHAGIAN / UNIT INTEGRITI PEMEGANG LESEN UTAMA

1. **Dr. Idamymoon Binti Ibrahim**
Ketua, Jabatan Integriti dan Governans
Indah Water Konsortium Sdn Bhd
2. **Puan Azullaiha Binti Abdullah**
Pengurus Besar, Bahagian Integriti & Pengurusan Risiko
Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd
3. **Puan Ashida Binti Abdullah**
Pengurus Kanan, Jabatan Audit Dalam, Pengurusan / Integriti
Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd
4. **Encik Noorhelmee Bin Abd Hamid**
Ketua Jabatan Korporat
Syarikat Air Perlis Sdn Bhd
5. **Encik Hasrul Affandie Bin Mohd Mustaffa**
Ketua Seksyen Integriti , Jabatan Integriti & Governans
Ranhill SAJ Sdn Bhd
6. **Puan Josephine Liow Bin Wey**
Ketua Seksyen, Integriti dan Governans
Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd

C. KETUA / PEGAWAI JABATAN / BAHAGIAN / UNIT INTEGRITI PEMEGANG LESEN UTAMA

7. **Encik Asraf Bin Kamaludin**
Ketua Jabatan Integriti & Governans
Pengurusan Air Pahang Berhad
8. **Cik Azila binti Azhar**
Ketua, Jabatan Integriti dan Governans
Pengurusan Aset Air Berhad
9. **Puan Parveen Kaur A/P Pall Singh**
Pegawai Kanan Integriti,
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang
10. **Encik Muhammad Syawal Bin Mat Ghani**
Eksekutif Integriti & KPI, Jabatan Modal Insan
Air Kelantan Sdn Bhd
11. **Encik Ahmad Suhaimi Bin Buyung @ Safie**
Pegawai Tadbir (Integriti), Unit Integriti
Lembaga Air Perak
12. **Puan Norhafiza Binti Misno**
Pengurus, Pengukuhan Integriti & Governans
Jabatan Integriti & Governans
Indah Water Konsortium Sdn Bhd
13. **Puan Huril Ain Adhwa binti Jamaluddin**
Eksekutif
Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd

D. BAHAGIAN INTEGRITI DAN PENGURUSAN RISIKO (URUS SETIA)

1. **Encik Mohammad Faizal bin Sulaiman**
Pengarah, Bahagian Integriti dan Pengurusan Risiko
2. **Cik Hani binti Hussain**
Pengarah, Bahagian Integriti dan Pengurusan Risiko
3. **Encik Mohamad Hafizul bin Md Ali**
Eksekutif Kanan I , Bahagian Integriti dan Pengurusan Risiko
4. **Puan Hazrinna binti Hussain**
Eksekutif Kanan I , Bahagian Integriti dan Pengurusan Risiko
5. **Puan Nur Ain binti Tusiran**
Penolong Eksekutif Kanan, Bahagian Integriti dan Pengurusan Risiko

SPAN
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

 **Air Selangor**



IndahWater




Pengurusan Aset Air




**Ranhill
SAJ**

 **PBA**
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd

 **SADA**



sains


SAP
Syarikat Air Perlis


SATU